



JADI PENGGUNA  
YANG BIJAK

# TANDA-TANDA BERITA PALSU

 MediaLiteracyCouncilSG  
[www.betterinternet.sg](http://www.betterinternet.sg)

CARA LUNGSURI TALIAN  
YANG BETUL

-  **MENGAJI**  
lelaman web
-  **MENGESAHKAN**  
maklumat
-  **MENYEMAK**  
dengan pakar

 **CHECK  
Please!**  
Be Safe. Be Smart. Be Kind.



Organised by:



Supported by:



In association with:

**SG:D | GET READY!**

Pastikan dahulu sebelum berkongsi sesuatu,

# SEMAK DAHULU!

Perhatikan tanda-tanda ini untuk mengenal pasti berita palsu yang terdapat di Internet.

## 01 PENULISAN YANG BURUK

Kebanyakan laman web berita dan artikel palsu mengandungi kesilapan ejaan dan tatabahasa. Perhatikan kesilapan ini dalam kandungan utama artikel dan halaman lain di laman, terutamanya halaman 'Tentang Kami' atau 'Hubungi Kami'.

## 02 PENGUMPAN KLIK

Elak daripada mengklik halaman yang mengandungi tajuk berita dengan kata-kata seperti 'Hebat' atau 'Luar biasa' dan imej-imej melampau yang menarik perhatian anda. Pengumpatan klik seperti ini digunakan untuk menarik lebih ramai orang mengklik pada sesuatu berita supaya artikel tersebut mendapat pendapatan iklan. Kemungkinannya, pautan tersebut berpaut kepada kandungan sangsi seperti kaji selidik, muat turun automatik atau kandungan yang tidak berkaitan langsung dengan tajuk berita.

## 03 FOTO YANG BURUK

Penulis yang berhemah tidak akan menggunakan foto-foto yang tidak menarik atau buruk seperti foto orang sedang bersin atau makan, untuk menyampaikan maksud mereka. Sebaliknya, mereka menggunakan imej-imej yang paling baik menggambarkan topik artikel mereka. Jika anda melihat foto-foto seperti ini dalam sesuatu artikel, semak sama ada penulis pernah menulis artikel lain dengan kandungan yang berprasangka.

## 04 PENULIS YANG TIDAK DIKENALI

Sesetengah artikel tidak menyertakan nama penulis bagi melindungi identiti mereka, terutamanya jika artikel tersebut mendedahkan maklumat sulit. Bagaimanapun, artikel seperti ini jarang disiarkan. Jadi, kebanyakan artikel dengan sumber yang tidak jelas atau tidak dikenali adalah berita palsu kerana penulis berita yang sebenar pasti akan mendedahkan nama mereka agar anda boleh menyemak kelayakan dan artikel mereka sebelum ini.

## 05 KANDUNGAN TAJAAN

Kandungan tajaan semakin menyerupai kandungan bukan tajaan yang terdapat pada laman web berita dan suapan media sosial. Perbezaannya adalah kandungan tajaan dibayar oleh pengiklan. Semua kandungan berbayar dianggap berprasangka kerana ia menjual sesuatu kepada anda. Perhatikan penggunaan ungkapan "tajaan" atau "dibayar oleh" di laman.

## 06 VIDEO MENULAR

Bukan semua video yang menular adalah palsu, tetapi kebanyakan video yang menjadi hangat di Internet adalah mengelirukan. Video seperti ini disiarkan tanpa konteks penuhnya dan mendorong orang ramai untuk membuat kesimpulan yang salah. Banyak video yang menular ditaja oleh syarikat untuk tujuan pengiklanan.

